

**SOALAN NO: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENARAI]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Senarai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan Akujanji Penjawat Awam dalam konteks perlembagaan

- (a) apakah ianya sah untuk diguna pakai dan diteruskan, jika ya; dan
- (b) nyatakan justifikasi dan pautan perundangan yang berkaitan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya setiap pegawai awam diwajibkan menandatangani Surat Aku Janji. Tujuannya ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan mereka akan betapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggungjawab, berdedikasi dan profesional. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan melahirkan perkhidmatan awam yang cekap dan berwibawa supaya Malaysia terus maju dalam suasana yang aman dan harmoni.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2001: Penguatkuasaan Surat Aku Janji Untuk Pegawai Awam telah menguatkuasakan penandatanganan Surat Aku Janji bermula 1 Januari 2002.

Dalam konteks keabsahan Surat Aku Janji dari sudut perlembagaan dan perundangan, keperluan memberi dan mematuhi Aku Janji ada dinyatakan dalam peraturan 3B.(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993]. Punca kuasa kepada peraturan ini pula adalah dari Fasal (2) Perkara 132 Perlumbagaan Persekutuan.

Selain daripada itu, Surat Aku Janji ini diperlukan sebagai salah satu syarat pelantikan. Perkara ini ada dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A)1/2012] yang punca kuasanya adalah daripada Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Peraturan 20.(3) P.U.(A)1/2012 menyatakan bakal penjawat awam hendaklah menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bahawa dia akan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993], Perintah-Perintah Am, pekeliling, surat pekeliling, peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatannya dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Aku Janji ini tidak sewajarnya dianggap sebagai satu kongkongan kepada penjawat awam. Ia merupakan satu kaedah untuk menzahirkan perasaan taat setia penjawat awam kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara sebagai seorang penjawat awam yang beretika dan berintegriti tinggi. Selain itu, kandungan Aku janji yang dibuat sejajar dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, bertujuan untuk menjadi peringatan kepada setiap penjawat awam agar sentiasa berkhidmat kepada negara dengan setia, amanah dan patuh kepada peraturan-peraturan yang menjadi nadi kepada penyampaian perkhidmatan awam

yang berkesan, sepetimana yang diharapkan oleh Kerajaan dan rakyat.

Sekian. Terima kasih.